



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 99 / 2019

**SPR HANTAR KAD PENGUNDI (VOTER'S CARD) KEPADA
29,663 ORANG PENGUNDI DI PRK PARLIMEN
P.176 KIMANIS**

1. Dalam usaha menggalak dan memudahkan pengundi untuk keluar mengundi pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.176 Kimanis, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) meneruskan inisiatif penghantaran kad pengundi (voter's card) kepada **29,663 orang pengundi** yang meliputi **29,654 orang pengundi biasa** dan **9 orang pengundi awal**.
2. Voter's card tersebut mengandungi maklumat pengundian iaitu pusat mengundi, saluran, bilangan, tarikh dan masa mengundi. Maklumat tersebut akan memudahkan pengundi untuk keluar mengundi pada hari mengundi awal pada 14 Januari 2020 dan hari mengundi biasa pada 18 Januari 2020.
3. Pengundi yang telah menerima voter's card tidak lagi perlu membuat semakan di Barung SPR untuk menyemak saluran dan nombor bilangan pengundi dalam daftar pemilih kerana kedua-dua maklumat berkaitan telah dinyatakan dalam kad tersebut. SPR telah

mengedarkan voter's card mulai **30 Disember 2019** kepada semua pengundi bagi PRK Parlimen P.176 Kimanis, Sabah.

4. SPR menegaskan bahawa pengundi masih perlu membawa kad pengenalan bagi pengesahan identiti untuk mengundi dan diingatkan supaya membawa voter's card atau catatan maklumat daftar pemilih pada hari mengundi bagi memudahkan semakan.

5. Bagi mana-mana pengundi yang tidak menerima voter's card berkenaan boleh membuat semakan maklumat pengundian iaitu pusat mengundi, saluran dan nombor bilangan. Semakan boleh dibuat melalui portal **SPR pengundi.spr.gov.my** atau Aplikasi **MySPR Semak** atau melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) (**SPR <jarak> SEMAK <jarak> NOMBOR KAD PENGENALAN** hantar ke nombor **15888** atau menghubungi talian hotline SPR di **03-8892 7018**).

Sekian.



DATUK AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 31 Disember 2019 / 4 Jamadilawal 1441H